




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **102 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **54,209 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan iaitu di daerah Kota Kinabalu. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah ialah 41 menjadikan jumlah kumulatif 53,313 orang. Seramai 349 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 139 orang di hospital dan 210 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 18 orang dan lima (5) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kalabakan bertukar dari zon merah ke zon jingga.
Manakala Putatan bertukar dari zon kuning ke zon jingga.

- 4 Tiada kluster baharu direkodkan pada hari ini.
- 5 Daripada 102 kes positif COVID-19, sebanyak 43 kes (42.2%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 10 kes (9.8%) saringan bergejala, satu (1) kes (0.9%) saringan kluster sedia ada, 42 kes (41.2%) saringan bersasar serta enam (6) kes (5.9%) dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil 4,329 unit
 - Hospital 611 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 3,298 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 420 unit.
Peratus penggunaan katil 8.06%.

B PENUTUPAN OPERASI PASAR SIANG, PASAR MALAM DAN TAMU DAERAH KENINGAU

Berikutnya peningkatan mendadak kes jangkitan COVID-19 di daerah Keningau, Kerajaan Negeri memutuskan pasar siang, pasar malam dan tamu-tamu di seluruh daerah Keningau **TIDAK DIBENARKAN beroperasi berkuat kuasa pada 21 Mac 2021 (Ahad).**

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

Setakat ini, seramai **1,440** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **40,799** orang.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sejumlah **287,189** bakul makanan diagihkan pada hari ini kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 28 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 12,329 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, sembilan (9) buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 61 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dan kompaun dibuat.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 91 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 36 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, dua (2) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga Sabah 2002.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan

SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 436 lokasi melibatkan seramai 182 anggota APM.

- 4 Sementara, rondaan sama dilaksanakan melibatkan 107 anggota RELA di 148 lokasi.
- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu Sandakan, Lahad Datu dan Semporna.
- 6 Sejumlah 50 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di sembilan (9) daerah pada hari ini.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPP pada hari ini ialah **96.3%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	97%
2	Kunak	97%
3	Sipitang	97%
4	Beluran	97%
5	Kinabatangan	97%
6	Beaufort	97%
7	Sandakan	96.5%
8	Kota Kinabalu	96.5%
9	Kudat	96.5%
10	Penampang	96.5%
11	Ranau	96%
12	Tenom	96%
13	Papar	96%
14	Kota Marudu	96%
15	Tuaran	96%
16	Lahad Datu	96%
17	Kota Belud	96%
18	Tawau	95%
19	Keningau	94.5%

2 Ayuh, daftarkan diri anda untuk vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

20 Mac 2021